

Malaysia boleh capai lebih lima peratus pertumbuhan ekonomi
Utusan Online
17 Februari, 2013

TASEK GELUGOR 16 Feb. - Malaysia mampu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi negara lebih lima peratus bagi tahun lepas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, ini kerana negara mempunyai barisan kepimpinan yang baik dan agenda untuk memakmurkan ekonomi negara dan membantu rakyat.

Selain itu, katanya, kerajaan Barisan Nasional (BN) mampu menguruskan ekonomi negara dengan begitu baik.

"Saya yakin kita boleh capai kadar pertumbuhan ekonomi lebih lima peratus yang laporan pertumbuhan ekonomi akan dikeluarkan dalam dua tiga hari lagi.

"Kita lihat kadar pertumbuhan ekonomi di Eropah hanya satu hingga dua peratus, ada yang negatif dan ini membuktikan negara kita lebih baik," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyampaian Baucar Sumbangan Veteran Tidak Berpencen 1Malaysia (SVTB1M) kepada 1,174 veteran di Dewan Besar Sungai Dua di sini.

Setiap seorang penerima SVTB1M menerima RM1,000.

Nor Mohamed yang juga Ahli Parlimen Tasek Gelugor berkata, kadar itu juga boleh dicapai kerana pemimpin negara mempunyai Wawasan 2020 ke arah menjadikan Malaysia negara maju.

"Negara-negara lain tak berani mewujudkan sesuatu wawasan seperti yang dibuat oleh Malaysia.

"Untuk menjadi negara maju kita perlu mempunyai pendapatan perkapita yang diperlukan AS\$15,000 (RM46,500) dan kita sudah sampai lebih AS\$9,700 (RM30,070) dan saya yakin kita dapat capai taraf negara maju," katanya.

Beliau berkata, kerajaan melaksanakan pelbagai transformasi bagi memastikan ekonomi negara pada peringkat mikro dan global berada dalam keadaan stabil, maju dan sentiasa meningkat.

Sebagai contoh hasil transformasi itu katanya, veteran tentera tak berpencen menikmati SVTB1M kerana kerajaan menghargai perjuangan dan pengorbanan mereka kepada negara.

"Kerajaan juga memberikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 2.0 sebanyak RM500 dan RM250 untuk bujang serta pelbagai subsidi kepada rakyat untuk meringankan beban supaya mereka tidak terpinggir," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130217/dn_19/Malaysia-boleh-capai-lebih-lima-peratus--pertumbuhan-ekonomi

